



**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PEMBERIAN GERAN
PEMADANAN MTV DAN SOKONGAN
LAWATAN ARTIS KE LUAR NEGARA**

- JAWATANKUASA KERJA MUZIK DIKN (JKMD) -

**BAHAGIAN MUZIK
KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PEMBERIAN GERAN PEMADANAN MTV DAN
SOKONGAN LAWATAN ARTIS KE LUAR NEGARA
KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN
MALAYSIA**

1. TUJUAN

Garis Panduan ini adalah untuk memaklumkan mengenai kaedah pelaksanaan Pemberian Geran Pemadanan Klip Video Muzik (MTV) dan Geran Sokongan Lawatan Artis ke Luar Negara kepada semua artis yang merupakan warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia.

2. LATAR BELAKANG

Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 November 2010 dan dilancarkan oleh YB Menteri KPKK pada 21 Oktober 2011. DIKN merupakan satu dasar yang signifikan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi kreatif di Malaysia. Jawatankuasa Tindakan Pelaksanaan Dasar Industri Kreatif Negara telah ditubuhkan di bawah KPKK yang dipengerusikan oleh YBhg Dato' Sri KSU, KPKK yang dianggotai oleh pelbagai agensi pusat dan syarikat-syarikat swasta yang terlibat dengan Industri Kreatif serta penggiat-penggiat.

Peranan utama Jawatankuasa ini bagi menyelaras pelaksanaan Dasar Industri Kreatif Negara di antara KPKK dan semua pihak

SULIT

terlibat termasuk penggiat industri bagi membangunkan industri kreatif. Sebanyak 9 Jawatankuasa Kerja bagi bidang Industri Kreatif telah ditubuhkan yang turut dianggotai oleh syarikat dan penggiat industri bagi memastikan dan memacu Industri Kreatif mencapai sasaran Kerajaan iaitu dalam tempoh 3 tahun bermula 2012 hingga 2014, Industri Kreatif menyumbang sebanyak 0.5% kepada KDNK. Salah satu Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan adalah Jawatankuasa Kerja Muzik DIKN (JKMD).

3. TAFSIRAN

Bagi maksud garis panduan ini, tafsiran berikut adalah diguna pakai bagi pengertian yang merujuk kepada:-

- 3.1. “**Artis**” **ertinya** penghibur, seperti penyanyi.
- 3.2. “**Artis rakaman**” **ertinya** penyanyi atau pemuzik yang merakamkan persembahannya dalam sesebuah album dengan syarikat rakaman mengikut kontrak tertentu.
- 3.3. “**Syarikat Rakaman**” **ertinya** penyanyi atau pemuzik yang merakamkan persembahannya dalam sesebuah album dengan syarikat rakaman mengikut kontrak tertentu
- 3.4. “**Geran Pemandanan**” **ertinya** peruntukan kewangan bagi membiayai sebahagian kos atau jumlah sesuatu aktiviti atau program
- 3.5. “**Pemohon**” **ertinya** syarikat rakaman Malaysia dan mana-mana individu yang merupakan warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia.
- 3.6. “**Lojing**” **ertinya** tempat penginapan sementara dengan kadar bayaran tertentu

SULIT

- 3.7. **“MTV” ertinya** video muzik,
- 3.8. **“KPKK” ertinya** akronim kepada Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
- 3.9. **“DIKN” akronim** kepada Dasar Industri Kreatif Negara
- 3.10. **“JKMD” akronim** kepada Jawatankuasa Kerja Muzik DIKN

4. JAWATANKUASA KERJA MUZIK DIKN (JKMD)

Jawatankuasa Kerja Muzik DIKN (JKMD) ini bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program / aktiviti yang dapat membantu serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi industri muzik Negara. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pemain industri muzik, syarikat komunikasi, persatuan muzik dan Bahagian Muzik KPKK. Sebuah jawatankuasa kecil telah ditubuhkan di bawah JKMD ini iaitu Jawatankuasa Kerja Muzik DIKN - Pemberian Geran Pemandaran MTV Dan Geran Sokongan Lawatan Artis Ke Luar Negara.

5. JAWATANKUASA KERJA MUZIK DIKN - PEMBERIAN GERAN PEMADANAN MTV DAN GERAN SOKONGAN LAWATAN ARTIS KE LUAR NEGARA.

5.1. Fungsi

Jawatankuasa ini bertanggungjawab di dalam menimbang dan membuat keputusan ke atas permohonan berkaitan Geran Pemandaran MTV dan Geran Lawatan Artis ke Luar Negara.

5.2. Keanggotaan

Keanggotaan JKMD adalah seperti berikut:

Pengerusi Tetap:

Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), KPKK

Pengerusi Ganti:

Setiausaha Bahagian, Bahagian Muzik, KPKK

Ahli Tetap:

- a) Wakil Bahagian Perkhidmatan Muzik, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)
- b) Wakil Bahagian Muzik, KPKK
- c) Wakil Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM)
- d) Wakil *Music Author's Copyright Protection* (MACP)
- e) Wakil ASTRO
- f) Wakil Telekom Malaysia
- g) Wakil Maxis

Ahli Turut Hadir:

Wakil Bahagian Industri Kreatif Negara

Urusetia:

Bahagian Muzik, KPKK

5.3. Korum

Bilangan minimum ahli mesyuarat tetap yang diperlukan untuk JKMD - Geran Pemandangan MTV dan Geran Lawatan Artis ke Luar Negara boleh bersidang adalah seramai lima (5) orang.

5.4. Keputusan Permohonan

Keputusan sesuatu permohonan yang dibuat oleh JKMD adalah keputusan majoriti dan muktamad ahli mesyuarat.

5.5. Komunikasi Keputusan

Keputusan permohonan secara rasmi akan dimaklumkan secara bertulis melalui surat secara faksimili atau e-mel atau pos.

5.6. Implikasi

Mana-mana pemohon yang tidak berpuas hati dengan keputusan JKMD boleh membuat permohonan rayuan.

5.7. Penghantaran Borang Permohonan

Permohonan hendaklah dihantar ke alamat di bawah:

Tel: 03-8911 5000 atau Faks: 03 8911 5203

E-melkan pertanyaan di muzik@kpkk.gov.my.

Setiausaha Bahagian,

Bahagian Muzik

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

Aras 23, Kompleks Kementerian Penerangan

Komunikasi dan Kebudayaan

Lot 4G9, Persiaran Perdana

Presint 4, 62100 Putrajaya

(u/p: Jawatankuasa Kerja Muzik DIKN)

SULIT

6. TERMA RUJUKAN JAWATAN KUASA KERJA MUZIK DIKN - PEMBERIAN GERAN PEMADANAN KLIP VIDEO MUZIK (MTV) DAN GERAN SOKONGAN LAWATAN ARTIS KE LUAR NEGARA

Terma rujukan kerja Jawatankuasa adalah seperti berikut:

- 6.1. Menilai cadangan-cadangan dan memberi ulasan terhadap permohonan yang diterima;
- 6.2. Memperakukan permohonan-permohonan yang layak diberi pertimbangan;
- 6.3. Melulus atau tidak melulus permohonan pemberian geran MTV dan sokongan lawatan ke luar negara.

7. PEMBERIAN GERAN PEMADANAN MTV

- 7.1. Pemberian Geran Pemadanan MTV adalah pemberian peruntukan kewangan bagi membiayai sebahagian proses penerbitan video muzik (MTV) tempatan yang berkualiti dan bermutu tinggi.
- 7.2. Geran yang diberikan hanya meliputi kos pembikinan MTV sahaja seperti pengarah, artistik, teknikal, set dan props, kostum, penggunaan teknologi terkini, suntingan dan yang mana-mana berkenaan yang diperakui oleh JKMD.

SULIT

7.3. Bantuan diberikan dalam bentuk geran pepadanan di mana 50% daripada kos keseluruhan pembikinan MTV dibiayai oleh Kerajaan dan bakinya oleh pemohon.

7.3. Jumlah maksimum pemberian geran adalah sebanyak RM 15,000.00, tiada jumlah minimum pemberian geran kerana pemberian berdasarkan 50% daripada kos keseluruhan pembikinan MTV.

8. TERMA DAN SYARAT PERMOHONAN PEMBERIAN GERAN PEMADANAN MTV

8.1. Pemohon

Permohonan terbuka kepada semua Syarikat Rakaman Malaysia dan mana-mana individu yang merupakan warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia.

8.2. Video Muzik

Permohonan terbuka kepada video-video muzik yang dihasilkan mulai 1 Julai 2012.

8.3. Rakaman Lagu

Hanya terpakai kepada lagu-lagu yang direkodkan dari 1 Januari 2012 dan lagu-lagu yang direkodkan sebelum 1 Januari 2012 adalah tertakluk kepada semakan atau budibicara oleh JKMD.

8.4. “Cover Version”

Untuk “*cover version*”, hanya lagu-lagu yang direkodkan oleh artis bukan asal dengan aturan baru dibenarkan.

8.5. Tanggungjawab Pemohon

8.5.1. Setiap pemohon hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dalam pengemukakan maklumat yang tepat untuk permohonan ini. Sebarang permohonan yang didapati mengandungi maklumat yang tidak benar atau tidak disertai dengan dokumen-dokumen yang diminta akan dibatalkan. Setiap pemohon hanya boleh memohon untuk 3 video muzik bagi setiap artis.

8.5.2. Penyerahan profil perniagaan, profil pengarah, CD, karya-karya lalu, pecahan bajet dan dokumen sokongan lain adalah diperlukan.

8.6. Perakuan Pemohon

Dengan mengemukakan permohonan bagi pemberian ini, Pemohon mengakui dan bersetuju bahawa beliau telah membaca, memahami dan mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat di Borang Permohonan Pemberian Geran Pemandanan MTV.

8.7. Kuasa Jawatankuasa Kerja Muzik DIKN (JKMD)

8.7.1. Jawatankuasa Kerja Muzik DIKN (JKMD) berhak untuk meninggal, menukar/meminda, menambah atau mengubah Terma-terma dan Syarat-syarat di sini dari semasa ke semasa dan tanpa pemberitahuan terlebih dahulu kepada Pemohon dan Pemohon adalah terikat untuk menurut, melaksana dan mematuhi terma-terma dan syarat-syarat di sini dan apa-apa pindaan kepadanya.

8.7.2. Permohonan ini adalah tertakluk kepada pelaksanaan perjanjian formal selaras dengan Terma-terma dan Syarat-syarat di sini.

8.7.3. Semua keputusan yang dibuat oleh JKMD adalah muktamad dan mengikat Pemohon.

9. PEMBERIAN GERAN SOKONGAN LAWATAN ARTIS KE LUAR NEGARA

9.1. Pemberian Geran Sokongan Lawatan Artis Ke Luar Negara adalah pemberian peruntukan bagi artis tempatan membuat promosi album / lagu di luar negara dan untuk menyertai pertandingan atau festival yang berprestij di luar negara.

SULIT

- 9.2. Permohonan Sokongan Lawatan Artis Ke Luar Negara mesti melibatkan hal-hal seperti temuramah media, fotografi, persembahan bagi tujuan promosi dan semua urusan berkaitan promosi sahaja.
- 9.3. Geran yang diberikan hanya meliputi kos lojing, pengangkutan makan dan minum artis sahaja.
- 9.4. Jumlah pemberian adalah bergantung kepada kelulusan JKMD. Walau bagaimanapun, jumlah maksimum pemberian geran adalah tidak melebihi RM 30,000.00, tiada jumlah minimum pemberian geran.

10. TERMA DAN SYARAT PERMOHONAN PEMBERIAN GERAN SOKONGAN LAWATAN ARTIS KE LUAR NEGARA

10.1 Pemohon

Permohonan terbuka kepada semua artis yang merupakan warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia.

10.2 Rakaman Lagu

Permohonan terbuka kepada lagu-lagu yang direkodkan mulai 1 Januari 2012.

10.3 Keutamaan

- 10.3.1. Keutamaan diberikan kepada pemohon yang mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) album yang

mengandungi sekurang-kurangnya lima (5) lagu dan satu (1) video muzik.

10.3.2. Keutamaan diberikan kepada pemenang anugerah.

10.3.3. Diberikan secara automatik kepada pemenang Lagu Terbaik dan Album Terbaik Anugerah Industri Muzik (AIM). Sekiranya pemenang yang sama bagi kedua-dua anugerah, ia akan dianggap sebagai satu (1) permohonan dan hanya RM30,000.00 akan diberikan.

10.4 Tanggungjawab Pemohon

10.4.1 Setiap pemohon hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dalam pengemukaan maklumat yang tepat untuk permohonan ini. Sebarang permohonan yang didapati mengandungi maklumat yang tidak benar atau tidak disertai dengan dokumen-dokumen yang diminta akan dibatalkan.

10.4.2 Penyerahan pelan promosi, produk, profil pengedar asing, bajet, tauliah, rekod pencapaian, ramalan, rancangan TV, preview dan dokumen sokongan lain adalah diperlukan.

10.5 Perakuan Pemohon

Dengan mengemukakan permohonan bagi sokongan lawatan luar negara, Pemohon mengakui dan bersetuju bahawa beliau telah membaca, memahami dan mematuhi

SULIT

Terma-terma dan Syarat-syarat di Borang Permohonan Surat Tawaran Sokongan Lawatan Artis ke Luar Negara.

10.6 Kuasa Jawatankuasa Kerja Muzik DIKN (JKMD)

10.6.1 Jawatankuasa Kerja Muzik DIKN (JKMD) berhak untuk meninggal, menukar/meminda, menambah atau mengubah Terma-terma dan Syarat-syarat di sini dari semasa ke semasa dan tanpa pemberitahuan terlebih dahulu kepada Pemohon dan Pemohon adalah terikat untuk menurut, melaksana dan mematuhi terma-terma dan syarat-syarat di sini dan apa-apa pindaan kepadanya.

10.6.2 Permohonan ini adalah tertakluk kepada pelaksanaan perjanjian formal selaras dengan Terma-terma dan Syarat-syarat di sini.

10.6.3 Semua keputusan yang dibuat oleh JKMD adalah muktamad dan mengikat Pemohon.

11. TATACARA PERMOHONAN

11.1 Permohonan kelulusan hendaklah dibuat melalui:

11.1.1. Serahan borang permohonan serta dokumen berkaitan secara SERAHAN TANGAN kepada urus setia JKMD.

SULIT

11.1.2. Serahan borang permohonan serta dokumen berkaitan
SECARA POS kepada urus setia JKMD.

11.2 Permohonan perlu dikemukakan sekurang-kurangnya 30
HARI sebelum tarikh perancangan / penggambaran MTV
atau pemergian artis ke luar negara.

11.3 Setiap permohonan perlu mengandungi DUA (2) salinan asal
borang permohonan.

11.4 Borang boleh didapati di:

11.4.1. Bahagian Muzik,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan
Kebudayaan, Aras 23, Lot 4G9, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya; atau

11.4.2. Muat turun borang di;

- www.kpkk.gov.my
- www.rim.org.my
- www.facebook.com/pages/Industri-Kreatif-Negara/236510093133389

11.5 Urus setia JKMD BOLEH MENOLAK mana-mana
permohonan yang tidak lengkap ketika ia dikemukakan atau
diserahkan.

SULIT

12. MAKLUMAN PERMOHONAN

Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui telefon terlebih dahulu sebelum dimaklumkan secara bertulis dengan penghantaran surat makluman secara pos atau secara atas talian (e-mel) kepada pemohon.

13. PERMOHONAN YANG BERJAYA

13.1. Urus setia JKMD akan mengeluarkan Surat Tawaran Pemberian Geran Pemadanan MTV atau Surat Tawaran Sokongan Lawatan Artis ke Luar Negara kepada pemohon yang berjaya.

13.2. Pemohon yang berjaya mendapat kelulusan permohonan WAJIB menandatangani Surat Tawaran Pemberian Geran Pemadanan MTV atau Surat Tawaran Sokongan Lawatan Artis ke Luar Negara.

13.3. Syarat-syarat di dalam Surat Tawaran Pemberian Geran Pemadanan MTV atau Surat Tawaran Sokongan Lawatan Artis ke Luar Negara WAJIB dipatuhi.

13.4. KEGAGALAN pematuhan syarat yang termaktub di dalam Surat Tawaran Pemberian Geran Pemadanan MTV atau Surat Tawaran Sokongan Lawatan Artis ke Luar Negara akan menyebabkan tawaran dan pemberian geran TERBATAL SERTA-MERTA.

SULIT

14. PENOLAKAN PERMOHONAN

Urus setia JKMD boleh menolak permohonan berikut;

14.1. Permohonan yang tidak lengkap; atau

14.2. Dokumen yang didapati dipalsukan; atau

14.3. Syarikat yang disenarai hitamkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau

14.4. Syarikat / Pemohon yang telah disytiharkan muflis; atau

14.5. Persatuan yang tidak didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS).

15. RAYUAN

Permohonan rayuan boleh dikemukakan dalam tempoh 14 hari selepas keputusan Mesyuarat JKMD. Hanya sekali sahaja rayuan yang dibenarkan.

TAMAT